



HIASAN dalaman tampak mewah, berwarna-warni dan penuh keindahan persis Masjid Nabawi di Madinah.

Klinik dalam masjid jadi tarikan

oleh HASIF IDRIS
KANDAR ISHAK
ifidris@mediamula.com.my

JARANG kita dengar tentang penubuhan klinik dalam kawasan masjid yang berfungsi memudahkan penduduk sekitar mendapatkan perkhidmatan. Pejam celik sudah 12 tahun Klinik Waqaf An-Nur (KWAN) beroperasi dalam pekarangan Masjid Al-Falah USJ 9, Subang Jaya.

Lebih menarik, klinik yang mula beroperasi dalam bulan April 2011 itu, membangunkan hasil sumbangan penduduk setempat berjumlah RM500,000.

Premis itu kemudian berpindah ke bangunan baharu pada 2012 yang dikendalikan sepenuhnya oleh KPI Healthcare Berhad. Setiausaha masjid, Mohd. Khairudin Abd Aziz berkata, klinik itu dibuka kepada orang awam, enam hari seminggu, dengan kos rawatan serendah RM5.



MOHD. KHAIRUDIN ABD AZIZ

Antara perkhidmatan yang disediakan di klinik itu adalah seperti demam biasa dan kecederaan ringan.

“Alhamdulillah, klinik ini dapat sambutan menggalakkan. Ia beroperasi Isnin hingga Jumaat dari pukul 9 pagi hingga 4.30 petang, manakala Sabtu separuh hari dari pukul 9 pagi hingga 12 tengah hari,” katanya ditemui di Karnival Maulidur Rasul sempena sambutan Jubli Perak masjid itu, baru-baru ini.



KLINIK Waqaf An-Nur beroperasi sejak 2011 di perkarangan masjid ini. UTUSAN/ISKANDAR ISHAK

MASJID AL-FALAH USJ 9, SUBANG JAYA, SELANGOR:

- Kos pembinaan masjid RM8.5 juta.
- Boleh menampung 6,000 hingga 7,000 jemaah.
- Membina laman web sendiri <https://masjidalfalah.com/>
- Aktiviti masjid turut boleh diakses di aplikasi Masjid Al-Falah USJ 9.
- Anugerah Masjid Terbaik Negeri Selangor 2014.
- Tempat kedua Anugerah Masjid Terbaik Negeri Selangor 2015.

PUSAT MUALAF & PENDIDIKAN

Masjid yang beroperasi sejak 13 September 1998 ini sememangnya aktif dengan penganjuran pelbagai program selain kemudahan mesra penduduk.

Mohd. Khairudin berkata, antara keistimewaan masjid ialah ia mempunyai pejabat pentadbiran bagi Pusat Pendaftaran Pengislaman Mualaf.

Menerusinya, pihak masjid diberikan kepercayaan oleh Bahagian Pendaftaran Mualaf dan Pembangunan, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) bagi memudahkan proses pengislaman mualaf.

“Imam tiga, Muhammad Hakimi Mustapai, yang mempunyai tauliah untuk mengislamkan mualaf ditugaskan menyelia pusat ini.

“Pelajar mualaf yang masih aktif ada dalam 15 hingga 20 orang. Rata-rata mereka tinggal di kawasan sekitar



AKTIF menganjurkan pelbagai program termasuk Karnival Maulidur Rasul sempena sambutan Jubli Perak masjid itu, baru-baru ini.

seperti USJ, Subang Jaya dan Puchong.

“Kita sediakan kelas fardu ain untuk membimbing dan memberi bantuan kebajikan bagi mereka memulakan hidup baharu,” katanya.

Individu berniat untuk melafazkan syahadah datang dari pelbagai tempat dengan tahun ini sahaja tiga individu diberikan hidayah memeluk Islam.

Masjid itu ditunjangi tiga imam dan dua bilal bertugas.

Bersesuaian fungsi masjid yang bukan sekadar menjadi tempat beribadah semata-mata, masjid yang sudah mencecah usia 25 tahun ini turut menyediakan

kemudahan pendidikan.

Masjid dua tingkat itu menempatkan Kelas Agama dan Fardu Ain Integrasi (KAFAI) yang boleh menampung hampir 700 murid dengan tujuh bilik darjah disediakan.

Antara tarikan lain adalah hiasan dalaman di ruang solat utama masjid ini yang tampak mewah, berwarna-warni dan penuh keindahan persis Masjid Nabawi di Madinah.

Keunikan itu dapat dilihat pada bahagian tiang, lampu, karpet serta corak dan ukiran khat di dinding masjid yang mencecah kos pengubahsuaian hampir RM1.2 juta, pada 2004.